



**IKLAN JAWATAN  
PENASIHAT UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan sebuah Universiti Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti mempelawa calon-calon berkelayakan untuk mengisi jawatan seperti berikut:

**1. MAKLUMAT JAWATAN**

- 1.1 Jawatan : Penasihat Undang-Undang
- 1.2 Gred : L52  
(Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Melantik USIM berhak menawarkan gred yang lebih tinggi tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti dan peraturan yang sedang berkuat kuasa)
- 1.3 Status Pelantikan : Tetap/Kontrak/Peminjaman/Tukar Sementara
- 1.4 Tempoh Lantikan : Satu (1) hingga tiga (3) tahun perkhidmatan bagi Lantikan (Tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti)
- 1.5 Gaji dan Imbuhan : Gaji dan imbuhan yang dibayar adalah berdasarkan kelayakan mengikut gred dan tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuat kuasa.

**2. KRITERIA UMUM**

- 2.1 Warganegara Malaysia.
- 2.2 Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran adalah satu kelebihan.
- 2.3 Berpengalaman luas dalam profesion undang-undang sekurang-kurangnya 15 tahun serta mempunyai rekod cemerlang dalam khidmat profesional.
- 2.4 Berpengalaman menyandang jawatan Penasihat/Pegawai Undang-Undang di mana-mana universiti awam, agensi kerajaan atau swasta, Government Linked Company (GLC), syarikat multinasional atau mana-mana syarikat terkemuka dan

diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Keutamaan diberikan kepada pegawai yang sedang atau pernah berkhidmat dengan agensi kerajaan.

- 2.5 Memiliki kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap.
- 2.6 Memiliki keupayaan dan keazaman untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di zaman digital dan membawa Universiti mencapai visi, misi dan objektif penubuhannya.
- 2.7 Memiliki kesejahteraan tubuh badan/fizikal yang diperakui oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.

### 3. KRITERIA KHUSUS

#### 3.1 Pakar Dalam Aspek Undang-undang

- i) Berkemampuan dalam memberikan nasihat yang betul, tepat dan signifikan secara bertulis atau lisan kepada pihak Pengurusan Universiti dan jabatan-jabatan mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan undang-undang, melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujuk atau ditugaskan kepadanya dan menunaikan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.
- ii) Mempunyai kepakaran dalam menggubal/meminda undang-undang utama dan subsidiari termasuk peraturan-peraturan yang sedang dan akan diguna pakai oleh pihak Universiti.
- iii) Cekap dalam memastikan dan menyemak segala dokumen perjanjian dan dokumen yang mempunyai kesan di sisi undang-undang untuk ditandatangani oleh pihak Universiti.
- iv) Menjadi perantara yang bijaksana bagi pihak Universiti dalam kes-kes sivil atau kes-kes lain yang di bawah bidang kuasa dan kawalan Penasihat Undang-Undang dan memfailkan tindakan bagi pihak Universiti sebagai yang menuntut; dan sebagai perantara yang bijaksana bagi pihak Universiti dalam kes-kes sivil atau kes-kes lain yang di bawah bidang kuasa dan kawalan Penasihat Undang-Undang dan tindakan di mahkamah apabila pihak Universiti dituntut.
- v) Mempunyai kepakaran dan berpengetahuan luas berkaitan Akta Universiti dan Kolej Universiti, Akta Badan -Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), pengkomersilan harta intelek dan pengurusan anak syarikat.

#### 3.2 Pemikiran Strategik

- i) Berkebolehan mengenal pasti, menjangka dan menganalisis isu dan masalah yang berkaitan dengan perundangan serta boleh mengatur strategi penyelesaian yang berkesan.

- ii) Berkebolehan melihat situasi dari pelbagai dimensi serta berkeupayaan mengambil tindakan dan membuat keputusan mengikut keutamaan, berpandangan jauh dan melihat isu dari perspektif yang luas dan menyeluruh.

### **3.3 Kepimpinan Berteraskan Nilai dan Etika**

- i) Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan.
- ii) Menegakkan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk bersikap anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi.
- iii) Membina dan menggalakkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta bebas daripada gangguan diskriminasi.
- iv) Bebas daripada tindakan dan hukuman tatatertib, melepasi tapisan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan tidak disenaraikan sebagai seseorang yang mempunyai masalah keberhutangan serius.

### **3.4 Kecemerlangan Pengurusan**

Mempunyai komitmen yang tinggi dengan memfokuskan kepada orientasi pencapaian dalam pengurusan serta mempunyai kemampuan dalam menguruskan sumber manusia dan sumber kewangan dengan telus dan pencapaian hasil yang optimum (value for money).

### **3.5 Pengurusan Perubahan dan Risiko**

Berinisiatif dalam menguruskan perubahan dalam organisasi secara berkesan dengan menggunakan segala sumber dan keupayaan sedia ada. Berinisiatif dalam mengurangkan risiko dalam setiap hasil kerja yang dilaksanakan melalui aktiviti pengurusan risiko.

## **4. FUNGSI DAN BIDANG KUASA**

Tertakluk kepada Perlembagaan Universiti, Statut, Kaedah dan Peraturan, Penasihat Undang-Undang hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut:

- 4.1 Menjadi Ketua di Jabatan Undang-Undang.
- 4.2 Menjadi ahli *Ex-officio* Lembaga dan Senat Universiti.
- 4.3 Bertanggungjawab dalam hal-hal berkaitan perundangan Universiti termasuklah penasihat, gubalan dokumen perundangan, surat cara perundangan, hal-hal berkaitan transaksi dan litigasi perundangan.
- 4.4 Menjadi Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan mana-mana jawatankuasa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan.

- 4.5 Menyempurnakan apa-apa surat cara atau dokumen yang berkaitan perundangan Universiti dengan keizinan Lembaga.
- 4.6 Memberi nasihat berkaitan urusan tata tertib staf dan pelajar Universiti.
- 4.7 Melaksanakan apa-apa kuasa dan kewajipan lain dan mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan kuasa dan kewajipan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan Universiti.
- 4.8 Bertanggungjawab dalam menggubal/meminda undang-undang utama dan subsidiari termasuk peraturan-peraturan yang sedang dan akan diguna pakai oleh pihak Universiti.
- 4.9 Menyedia, menyemak dan meluluskan dokumen perjanjian, memorandum persefahaman dan dokumen perundangan lain.
- 4.10 Menjalankan tugas-tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

## 5. **CARA MEMOHON**

Permohonan bagi jawatan Penasihat Undang-undang USIM hendaklah dibuat dengan mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:

- i) Surat Permohonan
  - ii) *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar ukuran pasport (CV lengkap yang merangkumi latar belakang peribadi, latar belakang pendidikan dan kerjaya, anugerah dan hadiah yang diterima dan sumbangan-sumbangan perlu disertakan bersama)
  - iii) Ringkasan mengenai perancangan/*Key Performance Indicator* (KPI) sekiranya dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang USIM;
  - iv) Dokumen-dokumen sokongan; dan
  - v) sokongan Ketua Jabatan.
6. Calon-calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek dan dipanggil temuduga.
  7. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/temu bual jawatan ini tidak akan ditanggung oleh USIM.
  8. Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.
  9. Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

YM Raja Mariam Raja Mohd Esa  
 Ketua Bahagian  
 Bahagian Governan dan Pentadbiran  
 Jabatan Pendaftar  
 Universiti Sains Islam Malaysia  
 No. Tel: 06-798 8123

E-mel : [rajamariam@usim.edu.my](mailto:rajamariam@usim.edu.my)

10. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

**PENDAFTAR**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

**Aras 2, Bangunan Canselori**

**Bandar Baru Nilai**

**71800 Nilai**

**Negeri Sembilan Darul Khusus**

**Tel : 06-7988101/8123/8122/6021**

**Faks : 06-7988130**

11. Tarikh tutup permohonan adalah pada **21 JUN 2023 (RABU)**